



**ROSAK...** pengunjung berkumpul menyaksikan permainan jilat dan tampal.

# Pesta jilat, lekat

Penganjur sediakan untuk pengkid, lesbian



I/D adalah elemen untuk mencari keseronokan. Setiap individu mempunyai I/D 'Ego' dan 'Super Ego.' Oleh itu, apabila jumlah I/D terlalu banyak, ia berubah menjadi perkara negatif"

> **Profesor Madya Dr Sapora Sipon**  
Pensyarah Program Kaunseling, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (Usim)

>>Oleh **NAZARALI SAERIL dan FIRDAUS SAHAT**  
metahad@metro.com.my

**K**UALA LUMPUR: Jilat dan lekat. Itulah permainan yang disediakan penganjur untuk pengkid dan lesbian yang menghadiri satu pesta khusus untuk golongan itu di sebuah pusat hiburan di sini, awal pagi semalam.

Apabila pengkid yang mengambil bahagian mula menjilat pasangan lesbian masing-masing di tengkuk, dada serta bawah pusat sambil melentok-lentok seksi, kira-kira 150 hingga 200 pengunjung yang sebahagian besarnya remaja Melayu memberi sorakan gemuruh.

Wartawan Metro Ahad menghadiri pesta berkenaan selepas mendapat aduan orang ramai dan mendapati promosi mengenainya turut dibuat secara terbuka menggunakan laman sosial facebook di Internet.

Pesta terbabit bermula kira-kira jam 11 malam kel-

marin dan acara kemuncaknya ialah permainan jilat dan lekat yang bermula kira-kira jam 1 pagi.

Bagaimanapun, usaha wartawan untuk merakam gambar aksi lucah golongan pengkid dan lesbian terbabit sukar kerana penganjur mengambil langkah berhati-hati dengan mengarahkan lampu disuramkan hingga hampir gelap.

Apabila masa ditetapkan tamat, satu pasangan diisytiharkan pemenang dan selepas itu semua pengunjung mula berpesta kembali dengan pasangan masing-masing.

Sebelum permainan berlangsung, banyak juga adegan menjijikkan dapat disaksikan di dalam pusat hiburan terbabit membabitkan pengkid serta pasangan mereka.

Ada yang mengambil kesempatan untuk bercumbu, malah mengusap mana-mana bahagian tubuh pasangan tanpa menghiraukan orang sekeliling. Dalam masa sama orang sekeliling juga se-

olah-olah tidak kisah, malah ada yang bertukar-tukar pasangan.

Jika dilihat daripada segi umur, sebahagian besar pengunjung berusia belasan hingga 20-an. Pengkid berpakaian lengkap dan penuh aksesori manakala pasangan masing-masing pula berpakaian seksi.

Sementara itu, mengulas penganjuran pesta songsang terbabit, Pensyarah Program Kaunseling, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Profesor Madya Dr Sapora Sipon, berkata berdasarkan sudut psikologi, golongan seperti itu mempunyai jumlah I/D besar untuk mencari keseronokan.

"I/D adalah elemen untuk mencari keseronokan. Setiap individu mempunyai I/D 'Ego' dan 'Super Ego'. Oleh itu, apabila jumlah I/D terlalu banyak, ia berubah menjadi perkara negatif.

"Dalam konteks ini, seperti yang dilakukan golongan terbabit, mereka mencari I/D

bagi memuaskan nafsu secara songsang dan sebagainya. Selain itu, mungkin ada juga simptom songsang dalam diri wanita berkenaan hingga mereka terbabit dalam gejala terbabit," katanya.

Sapora mengatakan, bukan mudah untuk memperbetulkan kembali keadaan jika golongan terbabit terlalu lama terdedah dengan kegiatan itu.

"Yang perlu dilakukan ialah menguatkan asas kerohanian serta agama. Ia penting supaya mereka tidak terus terlanjur di dalam dunia songsang terbabit," katanya.